

UM 20 JUN 2003

# Onn anggap tugasnya

KUALA LUMPUR 19 Jun – “Saya melihat tugas ini sebagai satu tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin,” kata Datuk Seri Onn Ismail, yang kini menjadi, tumpuan kerana tugasnya sebagai pemangku Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung UMNO, kali ini.

Walaupun bukan orang baru dalam menjalankan tugas menguruskan sesuatu persidangan, namun kebimbangan tetap wujud dalam dirinya apa-

## PERSONALITI

bila beliau diberi amanah menguruskan sepenuh masa perhimpunan terbesar narti Melayu itu.

Kebimbangan itu katanya, disebabkan perhimpunan kali ini menjadi tumpuan ramai kerana ia merupakan persidangan terakhir Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Perdana Menteri.

“Sebenarnya dulu kalau Tun (Sulaiman Ninam Shah) tak ada, saya juga akan ambil alih tapi kali ini perasaan saya berbeza sikit.

“Semua mata akan tertumpu pada perhimpunan ini malah bilangan pemerhati negara luar juga bertambah tahun ini,” katanya.

Sambil mengakui bahawa perhimpunan ini adalah yang paling mencabar buatnya, Onn berkata, apa pun, beliau akan memastikan ia berjalan mengikut apa yang telah digariskan.

“Saya berharap akan mendapat kerjasama daripada semua pihak agar tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan sempurna,” ujar beliau.

Onn memberitahu, beliau juga telah berjumpa dengan Sulaiman bagi mendapatkan izin dan memaklumkan tugas yang akan dijalankan itu.

## satu tanggungjawab besar

Tugas menguruskan perhimpunan terpaksa diserahkan kepada Onn setelah Pengerusi Tetap, Sulaiman kini dalam keadaan uzur.

Onn yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor berkata, walaupun kebolehan yang ada pada Sulaiman sukar dicari ganti, namun beliau percaya perhimpunan kali ini akan berjalan lancar seperti tahun-tahun sebelum ini.

“Saya yakin perhimpunan ini akan berjalan lan-

car tanpa ada gangguan,” katanya sambil tersenyum.

Mengulas tugas barunya itu, Onn berkata, apa yang cuba dilakukan pada perhimpunan kali ini adalah meneruskan kesinambungan seperti yang telah digariskan oleh pengerusi asal.

“Saya dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Tetap pada tahun 2001-2002, apa yang saya buat hari ini mengikut seperti apa yang telah Tun lakukan,” katanya.

Beliau bagaimanapun melahirkan rasa terharu kerana perhimpunan kali ini merupakan perhimpunan terakhir kepada Perdana Menteri selaku Presiden UMNO.

Ditanya tentang hasratnya terhadap perhimpunan yang dipengerusikan itu, Onn dengan nada lembut tetapi tegas berkata, apa yang penting ialah para perwakilan dapat menghayati ucapan Presiden dan melaksanakannya apa yang diusulkannya itu.